



## FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**  
 Semester & Year : January – April 2023  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
 

**PART A (30 marks)** : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.

**PART B (70 marks)** : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
                           SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)  
                           Answers are to be written in the Answer Booklet provided.
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

#### Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Buli siber di negara kita berada pada tahap yang serius. Media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, serta aplikasi *WhatsApp* merupakan platform paling popular untuk aktiviti buli siber. Buli siber yang keterlaluan boleh memberikan pelbagai kesan negatif kerana buli siber boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja tanpa kawalan di Internet.

Mangsa buli siber akan berasa hilang keyakinan terhadap diri sendiri. Komen-komen yang diterima dalam media sosial tentu sekali akan menjatuhkan maruah mereka. Mereka akan sentiasa berasa diperhatikan dan tindak tanduk mereka akan menjadi topik perbualan orang lain. Mangsa juga akan mengasingkan diri daripada orang ramai dan lebih suka menyendiri sehingga ada yang bertindak untuk tidak hadir ke sekolah, universiti atau pejabat. Perkara ini sekali gus akan menyebabkan urusan harian mereka terganggu. Bukan itu sahaja, emosi mangsa buli siber juga akan terganggu dan mereka akan berasa malu untuk berdepan dengan masyarakat. Mangsa akan sentiasa akan teringat-ingat akan kejadian buli siber tersebut. Hal ini akan menyebabkan mangsa tertekan dan sentiasa berasa resah. Lama-kelamaan, mangsa akan mengalami kemurungan sehingga boleh mendorong mereka melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya seperti membunuh diri.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi sepatutnya menjadi pemangkin kehidupan masyarakat yang lebih baik bukannya menjadi punca kemunduran dalam kalangan masyarakat. Semua pihak haruslah berganding bahu untuk mengatasi masalah buli siber dalam masyarakat. Kes yang membabitkan buli siber akan sentiasa berulang sekiranya masalah ini **dipandang enteng** oleh masyarakat.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **dipandang enteng** dalam petikan di atas?  
**(2 markah)**
  
2. Berdasarkan petikan tersebut, nyatakan **EMPAT (4)** kesan yang dihadapi oleh mangsa buli siber.  
**(4 markah)**
  
3. Berikan **DUA (2)** cadangan untuk mengatasi masalah buli siber mengikut pandangan anda.  
**(4 markah)**

**Petikan (ii)**

Baca sajak di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

**Aroma Ramadan**

Oleh: Amylia Hussain

Sup sahur dihirup adalah  
menu ketabahan untuk esok

Kita masih mampu  
bersimpuh sahur  
menelan selera  
sedang mereka **menjamah air mata**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **menjamah air mata**?  
**(2 markah)**
2. Berdasarkan puisi di atas, nyatakan **DUA (2)** mesej yang cuba disampaikan oleh penyajak.  
**(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** kelebihan bulan puasa kepada masyarakat majmuk di Malaysia.  
**(4 markah)**

## TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. berkorban (**2 markah**)
- II. berperang (**2 markah**)
- III. berusaha (**2 markah**)
- IV. berjuang (**2 markah**)
- V. bersatu (**2 markah**)

**(10 markah)**

(b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Para pelajar perlu berator di hadapan pintu dewan peperiksaan sebelum membenarkan masuk oleh pengawas peperiksaan.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

2. Kita mestilah selalu membasoh tangan sehingga bersih untuk mengelakkan penyebaran penyakit.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

3. Lebel makanan berfungsi sebagai sumber maklumat pemakanan yang penting untuk membantu kita membuat pilihan makanan yang bijak.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

4. Ramai ibu bapa yang bersetuju bahawa waktu sessi persekolahan diubah, iaitu bermula pada pukul lapan pagi kerana memudahkan ibu bapa pengatur jadual perjalanan harian masing-masing.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

5. Penggunaan jenis pensil yang sesuai dan tepat dapat menentukan mutu lukisan yang menghasilkan.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

**(10 markah)**

**SOALAN 2****: SOALAN ESEI (30 MARKAH)****ARAHAN**

: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

**KARANGAN**

1. Tuliskan pendapat anda tentang **kebaikan beriadah bersama keluarga.**

**ATAU;**

2. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan pihak swasta, namun kesedaran untuk kitar semula dalam kalangan rakyat masih belum memuaskan.

**Bincangkan kepentingan kitar semula kepada manusia dan alam sekitar.**

**ATAU;**

3. Tuliskan sebuah karangan berdasarkan peribahasa, “**Melentur buluh biarlah daripada rebungnya**”.

**KERTAS SOALAN TAMAT**